



TITAH DIRAJA

SEMPENA

**MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PERASMIAN
SERTA PEMASYHURAN MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH**

PADA

**1 JUN 2019 [SABTU]
BERSAMAAN 27 RAMADHAN 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

MARILAH KITA SAMA-SAMA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA-NYA, MAKA DAPAT KITA HADIR PADA PETANG YANG MULIA INI UNTUK MENJALANKAN AMAL IBADAT PUASA SEBAGAI PENGABDIAN KITA KEPADA SURUHAN DAN AJARAN TUHAN YANG MAHA ESA.

ALHAMDULILLAH, SAYA JUGA TURUT BERSYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN RAHMAT DARI-NYA JUGA, SAYA DAPAT BERANGKAT KE DAERAH TEMERLOH INI UNTUK MENYEMPURNAKAN PERASMIAN SEBUAH RUMAH ALLAH.

HADIRIN HADIRAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

SESUNGGUHNYA SEGALA YANG BERMULA ITU PASTI AKAN BERAKHIR; DAN SETIAP YANG HIDUP PASTI AKAN MATI. FIRMAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DALAM SURAH AL-ANBIYAA' AYAT KE-35 YANG BERMAKSUD:

"TIAP-TIAP YANG BERJIWA AKAN MERASAKAN MATI. KAMI AKAN MENGUJI KAMU DENGAN KEBURUKAN DAN KEBAIKAN SEBAGAI CUBAAN YANG SEBENAR-BENARNYA. DAN HANYA KEPADA KAMILAH KAMU DIKEMBALIKAN"

RAKYAT NEGERI PAHANG KHUSUSNYA DAN RAKYAT MALAYSIA AMNYA, TELAH DIKEJUTKAN DENGAN KEMANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RIAYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH; PADA 17 RAMADHAN 1440 HIJRAH; BERSAMAAN 22 MEI 2019; DI INSTITUT JANTUNG NEGARA KUALA LUMPUR.

KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA SULTAN HAJI AHMAD SHAH TELAH MENINGGALKAN TERLALU BANYAK JASA; SAMA ADA SEBAGAI SULTAN PAHANG; MAHUPUN SEBAGAI YANG DIPERTUAN AGONG.

ALMARHUM JUGA TELAH MENINGGALKAN LEGASI DALAM PELBAGAI BIDANG; MERANGKUMI BIDANG-BIDANG AGAMA, PENTADBIRAN, KETENTERAAN, PENDIDIKAN, BUDAYA, SOSIAL, KEBAJIKAN DAN SUKAN.

BAGINDA TERKENAL SEBAGAI SEORANG SULTAN YANG SENTIASA MENDEKATI DAN MESRA DENGAN RAKYAT SERTA MENGAMBIL BERAT AKAN HAL EHWAL KEBAJIKAN RAKYAT.

SEMENJAK KEMANGKATAN ALMARHUM PADUKA AYAHANDA; KEMESRAAN DAN KASIH BAGINDA KEPADA RAKYAT JELATA BANYAK DIKONGSIKAN OLEH NETIZEN DI MEDIA-MEDIA SOSIAL.

PERISTIWA ALMARHUM MENEGUR PEKERJA YANG SEDANG MEMBAIKI JALAN; MEMBAYAR BIL HOSPITAL RAKYAT; MEREDAH AIR DAN HUJAN LEBAT MEMBANTU MANGSA BANJIR; MENZIARAH RAKYAT YANG SAKIT; JELAS MENGGAMBARAKAN KEPERIBADIAN ALMARHUM SEBAGAI SEORANG RAJA YANG BERJIWA RAKYAT.

SEBAGAI KETUA AGAMA ISLAM; ALMARHUM SENTIASA MENGAMBIL BERAT HAL-HAL BERKAITAN KEAGAMAAN DAN MEMASTIKAN SYIAR ISLAM TERUS DITEGAKKAN DAN BERKEMBANG DI NEGERI INI TANPA DIGANGGU-GUGAT.

JUSTERU, ALMARHUM TANPA JEMU SENTIASA BERKENAN MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS-MAJLIS KEAGAMAAN SEPERTI MAJLIS TILAWAH AL-QURAN, SAMBUTAN MA'AL HIJRAH, SAMBUTAN MAULIDUR RASUL, PROGRAM CERAMAH DAN FORUM PERDANA EHWAL ISLAM.

ALMARHUM JUGA SENTIASA MENGAMBIL BERAT BERKENAAN HAL EHWAL MASJID; TERMASUKLAH PEMBINAAN DAN PERASMIAN MASJID BARU. DI PAHANG SAHAJA TERDAPAT 15 BUAH MASJID YANG MENGABADIKAN NAMA ALMARHUM SEMPENA KEBERANGKATAN BAGINDA KE MAJLIS PERASMIAN MASJID.

PADA AKHIR TAHUN 2013, ALMARHUM TELAH MENITAHKAN AGAR SEBUAH MASJID BARU DIBINA DI TEMERLOH; MEMANDANGKAN PADA MASA ITU DAERAH TEMERLOH TELAH DIKTIRAF SEBAGAI TITIK TENGAH SEMENANJUNG.

SEMENJAK BERMULANYA KERJA-KERJA PEMBINAAN MASJID INI PADA 11 OGOS 2014; ALMARHUM TELAH MEMBERIKAN SEPENUH PERHATIAN DAN SECARA LANGSUNG MEMANTAU SERTA MENGAWAS KERJA-KERJA PEMBINAAN MASJID INI.

SEPERTI KELAZIMANNYA; SEMUA MASJID YANG DIBINA DALAM NEGERI PAHANG TELAH MENDAPAT SENTUHAN PERIBADI ALMARHUM BERHUBUNG REKA BENTUK DAN HIASAN DALAMAN. SEMEMANGNYA SEPANJANG HAYAT; ALMARHUM SERINGKALI TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM MENASIHATI, MENGAWASI DAN MEMANTAU PELBAGAI PROJEK-PROJEK PEMBINAAN YANG MERANGKUMI ISTANA, MAHKAMAH, STADIUM, INSTITUSI PENDIDIKAN, GALERI DAN RUMAH KEDIAMAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIH SEKALIAN.

NAMUN MANUSIA BOLEH MERANCANG; ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA JUGA YANG MAHA MENGETAHUI SERTA MENENTUKAN SEGALA-GALANYA. KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM TIDAK SEMPAT MERASMIKAN MASJID INI KERANA TELAH TERLEBIH DAHULU MENINGGALKAN KITA.

NAMUN BEGITU, SEGALA USAHA DAN JASA ALMARHUM DALAM URUSAN PEMBINAAN RUMAH ALLAH INI PASTINYA AKAN DIKENANG SEPANJANG HAYAT.

KERANA ITU; MAJLIS PADA PETANG INI SUNGGUH ISTIMEWA DAN MEMBAWA PENGERTIAN YANG BESAR KEPADA SAYA. INI KERANA; SAYA AKAN MERASMI SERTA MEMASYHURKAN NAMA MASJID BARU TEMERLOH INI DENGAN NAMA: "MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH."

PADA AWALNYA; KERAJAAN NEGERI PAHANG BERHASRAT UNTUK MEMASYHURKAN NAMA MASJID INI DENGAN NAMA SAYA. NAMUN SAYA BERPANDANGAN; NAMA SAYA ADALAH TIDAK SEHEBAT DAN TIDAK SEGAGAH NAMA ALMARHUM PADUKA AYAHANDA UNTUK DIABADIKAN DENGAN SEBUAH MONUMEN YANG TERSERGAM INDAH INI.

SAYA BERHARAP, SEMOGA SEGALA USAHA ALMARHUM MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN FIZIKAL DI MASJID INI AKAN DISAMBUT DAN DILENGKAPI OLEH AHLI-AHLI QARIAH DENGAN MENGANJURKAN PELBAGAI AKTIVITI, AGAR MASJID INI MENJADI MASJID YANG HIDUP DAN DI-IMARAHKAN PADA SETIAP MASA DAN SEPANJANG WAKTU.

JANGANLAH SEKALI-KALI KITA MENJADIKAN MASJID INI ATAU MANA-MANA MASJID DALAM NEGERI PAHANG INI SEBAGAI GELANGGANG UNTUK BERPOLITIK ATAU MENGAJAR ILMU-ILMU YANG TIDAK SELARI DENGAN KEHENDAK AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH.

SAYA JUGA BERHARAP MASJID INI DAN JUGA LAIN-LAIN MASJID DI NEGERI PAHANG; BOLEH MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM MENYAMPAI SERTA MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

SAYA INGIN MENZAHIRKAN PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SELURUH PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MERANCANG DAN MELAKSANAKAN AGENDA PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN AGAMA ISLAM DI PAHANG.

MENGAKHIRI TITAH; SAYA BERHARAP AGAR MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH INI DAPAT BERFUNGSI SELARAS DENGAN KEHENDAK DAN TUNTUTAN AGAMA DENGAN MENJADIKANNYA SEBAGAI PUSAT PERKEMBANGAN ILMU, PEMBANGUNAN INSAN DAN PEMANTAPAN EKONOMI UMAT ISLAM DAN SEKALIGUS MENJADI CONTOH DALAM MENTERJEMAHKAN KESUCIAN AJARAN ISLAM; BAGI MENJANA KECEMERLANGAN UMMAH PADA KESELURUHANNYA.

MARILAH SAMA-SAMA KITA MENDOAKAN AGAR DILIMPAHKAN SEGALA IHSAN DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KEPADA ALMARHUM KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA AYAHANDA. SEMOGA BAGINDA DITEMPATKAN BERSAMA ROH PARA SOLIHIN.

MAKA; DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA MERASMI DAN MEMASYHURKAN MASJID INI DENGAN NAMA MASJID SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته